

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SELAKU YANG DI-PERTUA PERSATUAN PANDU PUTRI MALAYSIA DI PAMERAN
KEMKRAF DAN KRAFTANGAN
Lokasi : WISMA PANDU PUTRI
Tarikh : 02-08-1983

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku, sembah patek pohon diampun.

Patek bagi pihak Persatuan Pandu Putri Malaysia, dan bagi pihak diri patik sendiri sebagai Yang di-Pertua Persatuan ini, menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat pada pagi ini ke Wisma Pandu Putri, Ibu Pejabat Persatuan Pandu Putri Malaysia, untuk melihat kegiatan Pandu Putri di seluruh negara di Pameran Kemkraf dan Kraftangan, yang mana Kebawah Duli Tuanku perkenan merasmikannya nanti. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke Wisma ini adalah sangat dihargai oleh Persatuan ini, sebab ini adalah kali yang pertama Kebawah Duli Tuanku berangkat ke mari.

2. Patek sekalian telah bergiat memesatkan kerja-kerja membentuk akhlak murni di kalangan anak-anak gadis di Negara ini, melalui latihan Kepanduan. Anak-anak gadis telah diberi asuhan kerohanian secara bersuka-suka dan berkumpul-umpul, dari umur serendah-rendahnya 7 tahun hinggalah kepada yang dewasa. Latihan ini telah menjadi amali seharian dan telah menjadi sehati kepada diri mereka sendiri, dan oleh itu, segala ajaran songsang yang boleh mencemarkan diri mereka, masyarakat dan negara kita, adalah sukar buat mereka menerimanya. Ahli-ahli Pandu Putri diajar menggunakan akal fikiran, dan tangan mereka, untuk melahirkan benda-benda yang boleh menolong mereka mencari rezeki dan mengkayakan pula seni kerjatangan negara ini. Buktinya adalah seperti yang terpamer di kawasan pameran yang akan disaksikan sebentar lagi.

3. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku, sebagai Penaung Diraja Persatuan ini, juga akan menambahkan keazaman patek sekalian untuk bergiat dengan lebih pesat lagi, demi untuk kedaulatan dan keagungan bangsa dan negara ini.

Ampun Tuanku, patek mohon izin untuk berucap kepada hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia Toh Puan Bunny Suffian, dan Puan Agness Soong, Naib-Naib Yang di-Pertua Persatuan Pandu Putri Malaysia;

Yang Berusaha Puan Hajah Hendon bte Haji Din, Ketua Pesuruhjaya Pandu Putri Malaysia;

Yang Berbahagia Toh Puan-Toh Puan, Puan Sri-Puan Sri, Datin Paduka-Datin Paduka, Datin-Datin, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana telah sudi hadir bersama-sama di pagi ini untuk menyambut keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, ke Majlis ini.

5. Pameran yang bertemakan 'Komunikasi melalui Pameran Kraftangan dan Kem kraf' ini adalah sebagai bukti akan kerja dan usaha ahli-ahli Persatuan Pandu Putri di seluruh negara kita. Ahli-ahli Pandu Putri adalah dilatih melengkapkan diri untuk menjaga diri sendiri, dan menyediakan kehidupan masa depan mereka.

6. Persatuan ini mempunyai keahlian seramai 57,455 orang dari peringkat umur 7 tahun hinggalah ke atas. Pertama peringkat Brownie, kemudian Pandu Putri, Renjer dan Kedet. Kedet ini adalah bakal pemimpin yang diadakan di Maktab-Maktab Perguruan di negara ini. Bagi mereka yang telah menamatkan persekolahan mereka pula, kita telah menubuhkan Unit-Unit Kelab Renjer. Objektif utama Kelab ini ialah untuk memberi khidmat. Satu lagi bahagian untuk ahli-ahli dewasa, atau bekas-bekas Pandu Putri yang tidak dapat menumpukan masa bagi kerja-kerja atau aktiviti-aktiviti secara aktif, maka kita adakan 'Guild Trefoil'. Oleh itu, Pandu Putri ini tidak ada penamatnya dan ianya terus menerus.

7. Kepada Pemimpin-Pemimpin, saya ingin memberi tahniah sebab puan-puan telah menunjukkan akan kerja-kerja yang cekap selama ini di kawasan-kawasan masing-masing, termasuklah bahan-bahan yang dipamerkan ini. Pengalaman yang puan perolehi dan puan taburkan kepada anak-anak gadis kita, di mana sahaja puan bertugas, telah dapat dilahirkan di Pameran ini.

8. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran, dan semua yang terlibat, sebab telah dapat menjayakan Pameran pagi ini.

9. Sekali lagi saya berseru kepada semua Pemimpin supaya memberikan dedikasi dan keupayaan yang bersungguh-sungguh di dalam masa memimpin, dan memperbaiki kepimpinan sekiranya terdapat tidak puas hati di dalam pimpinan puan, agar kepimpinan puan itu akan dapat dicontohi oleh ahli-ahli kita, supaya apabila mereka besar nanti, akan menjadi pemimpin pula.

10. Ampun Tuanku, sembah patek pohon diampun. Patek, bagi pehak semua yang hadir, memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku menganugerahkan pingat-pingat Pandu Putri Raja, dan hadiah-hadiah, kepada ahli-ahli yang telah berjaya memperolehinya.

Ampun Tuanku.Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT TAHUNAN KOUNSIL 1982/1983 PERSATUAN PANDU PUTRI
MALAYSIA
Lokasi : KUALA LUMPUR
Tarikh : 03-08-1983

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Bunny Suffian, Naib Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Puan Agnes Soong, Naib Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia;

Puan Hajjah Hendon bte Haji Din, Ketua Pesuruhjaya Pandu Putri Malaysia; Yang Berbahagia Puan Sri-Puan Sri;

Datin-Datin;

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pandu Putri;

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah kita dapat berhimpun di majlis ini untuk menjalankan upacara Pembukaan Rasmi Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

2. Bagi menyediakan sesuatu Mesyuarat dan Perhimpunan, seperti apa yang kita lihat semalam dan juga pada hari yang terdahulu daripadanya, maka kita semua ketahui akan banyaknya persediaan yang dibuat dan ramai pula anggota Gerakan ini terlibat bagi mengelolaknya. Di sini saya hendak mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang berkenaan yang telah membuat persediaan semenjak beberapa bulan yang lalu.

3. Di Seminar yang diadakan dua hari lalu, iaitu pada 1hb Ogos, saya difahamkan iaitu selain daripada mendengar 'Key Note Address' Berhubung dengan 'Komunikasi', banyak dokumen-dokumen berhubung dengan Polisi, Organisasi dan Rules (P.O.R) bagi Bahagian-Bahagian Brownie, Pandu Putri, Ranger, Kedet, Perkhemahan dan Latihan telah diteliti oleh peserta Seminar, dan berikutnya resolusi- resolusi telah juga dibuat. Saya harap segala resolusi yang dibuat dan diterima itu hendaklah dikuatkuasakan oleh tiap-tiap ahli Gerakan Pandu Putri.

4. Dengan adanya perkara yang tersebut tadi dibuat kajian semula maka tiap-tiap Pesuruhjaya akan pula berbuat demikian di Negeri masing-masing untuk memberi peluang kepada ahli-ahli Gerakan ini. Pesuruhjaya adalah orang yang pertama yang mengambil tanggungjawab bagi menjaga supaya perjalanan aktiviti Gerakan Pandu Putri berjalan di tempat masing-masing dengan kemas dan teratur dan mengikut P.O.R. tadi.

5. Tahun 1983 ini adalah Tahun "Antarabangsa Komunikasi". Oleh itu tiap-tiap Pesuruhjaya hendaklah membuat "Komunikasi" dengan semua ahli-ahli Gerakan di dalam kawasannya di setiap masa. Di samping itu Ibu Pejabat Kebangsaan hendaklah sentiasa dihubungi supaya Ibu Pejabat Kebangsaan mendapat berita untuk dicatat dalam 'Berita Pandu Puteri' pula.

6. Di sini saya hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ibu Pejabat Kebangsaan sebab telah dapat membuat penerbitan 'Berita Pandu Putri', iaitu surat berita rasmi Pandu Putri Malaysia tiap-tiap enam bulan bagi satu keluaran, semenjak tiga tahun dahulu. Penerbitan ini dibiayai oleh penderma-penderma tanahair kita. Saya harap 'Berita Pandu Putri' akan berkekalan buat

selama-lamanya. Saya percaya 'Berita Pandu Putri' dihantar ke luar negeri di peringkat antarabangsa juga.

7. Saya difahamkan iaitu Ibu Pejabat Kebangsaan telah menjalankan projek latihan bertujuan untuk melatih Pemimpin-pemimpin yang berminat untuk mengikuti kursus jurulatih. Kursus-kursus seperti ini akan memberi peluang kepada Pemimpin-pemimpin muda atau dewasa yang ingin melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan kepimpinan supaya mereka akan memimpin anak-anak gadis kita untuk menjadi rakyat yang baik dan berguna melalui kepimpinan.

8. Latihan kepada Pemimpin-Pemimpin adalah perkara yang mesti diutamakan, sebab tanpa latihan kepada Pemimpin-Pemimpin, maka perjalanan Kepanduan tentu tidak terkawal. Saya ketahui pada masa ini ada beberapa Persatuan Negeri telah mempunyai sumber mata wang mereka sendiri. Ini amatlah menggembirakan. Wang-wang yang diperolehi ini hendaklah diberi keutamaan untuk memberi kursus-kursus latihan yang berkesan kepada Pemimpin-pemimpin dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya. Demikian mutu kepanduan akan lebih meningkat lagi. Tiap-tiap Negeri hendaklah cuba dengan sedaya upaya mengurus dan mengelola supaya Negeri masing-masing mempunyai Jurulatih yang bertauliah.

9. Tiap-tiap Jurulatih yang bertauliah pula hendaklah mempunyai sikap yang ingin berbakti supaya kemahiran yang diperolehi itu dapat pula dinikmati oleh Pemimpin-Pemimpin yang lain yang tidak bernasib baik seperti Jurulatih-Jurulatih yang bertauliah tadi.

10. Di dalam usaha tiap-tiap ahli Gerakan menjalankan kerja-kerja Kepanduan, maka perhatian hendaklah diberi kepada mutu Kepanduan. Jika mutu Kepanduan itu tinggi, maka ini menunjukkan yang tiap-tiap ahli Gerakan telah menjalankan aktiviti-aktiviti Kepanduan mingguan dengan baik.

11. Kepada Pesuruhjaya Negeri dan lain-lain Pesuruhjaya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sebab telah mengelola aktiviti-aktiviti Kepanduan yang diamalkan di tempat masing-masing dengan sepenuhnya. Menjadi Pemimpin-pemimpin utama, iaitu Pesuruhjaya di bahagian masing-masing, bukanlah mudah sebab penglibatan puan-puan adalah ditumpukan kepada Gerakan Pandu Putri semata-mata. Dengan demikian matlamat puan-puan untuk memajukan Gerakan Pandu Putri itu tentu tercapai.

12. Di zaman ini cabaran bagi anak-anak gadis adalah banyak, oleh itu Pemimpin-Pemimpin dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya, dengan bantuan daripada Ahli EXCO masing-masing, boleh membimbing anak-anak gadis ini melalui Kepanduan supaya mereka tahu memiliki apa yang baik dan apa pula yang mencemarkan. Seminar, forum dan dialog perlu dibanyakkan dengan ahli-ahli dewasa Gerakan supaya kerja-kerja yang berat dapat dilaksanakan.

13. Dalam usaha puan-puan menjalankan dan melatih ahli-ahli Gerakan Pandu Putri melalui aktiviti-aktiviti, maka Pemimpin (Guider) diminta juga mengikuti langkah Kerajaan kita seperti membasmi salahguna dadah, Family Life Education, cara-cara berkoperasi dan lain-lain lagi kegiatan melalui seminar, forum dan lain-lain. Ini akan menentukan yang Persatuan Pandu Putri Malaysia dan

Persatuan-Persatuan Negeri dan Daerah akan melibatkan ahli-ahli masing-masing dalam perkara yang tersebut di atas tadi.

14. "Tahun Antarabangsa Komunikasi" akan menyedarkan kita semua tentang mustahaknya "Komunikasi" sebagai satu cara yang memberi kemajuan yang cepat kepada semua.

15. Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, selaku Yang Di Pertua Persatuan Pandu Putri Malaysia, dan bagi pihak Ahli-ahli Kouncil dan Pergerakan Pandu Putri, saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi dan berterima kasih kepada Ketua Pesuruhjaya Pergerakan, Puan Hajjah Hendon, atas perkhidmatan dan pimpinan beliau terhadap Pergerakan Pandu Puteri di negara ini selama 10 tahun. Kesan-kesan dan kemajuan Pergerakan Pandu Putri di bawah pimpinan beliau telah nyata dilihat dan diharap kemajuan ini akan terus berlaku di bawah Ketua Pesuruhjaya yang baru.

16. Untuk Puan Hajjah Hendon, kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati jasa khidmatnya kepada kaum wanita dan gadis-gadis di negara dan juga melimpahkan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada beliau dalam pensaraan beliau ini.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya membuka Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu Putri Malaysia dengan rasminya.